

PENDUDUKAN JEPUN DI TANAH MELAYU, 1941-1945: SATU KAJIAN MENGENAI BIBLIOGRAFI

Azhar Mad Aros, M.A. *

Kajian bibliografi ini akan berkisar tentang beberapa penulisan yang berkaitan dengan pendudukan Jepun di Tanah Melayu antara tahun 1941-1945. Ini termasuklah buku-buku, latihan ilmiah, jurnal-jurnal dan monograf yang berkaitan. Jepun selepas pemodenan Meiji mengalami perubahan politik yang besar apabila golongan tentera, zaibatsu dan ultra-nasionalis telah muncul dan menguasai kerajaan. Lanjutan daripada itu berlaku perubahan besar dalam dasar luar Jepun apabila Jepun mula mengamalkan dasar imperialisme. Ini dianggap bersesuaian dengan keadaan semasa di Jepun dan keperluan bagi perkembangan pasaran serta bahan mentah yang terhad bagi industri Jepun.

Dengan ini Jepun telah merancang melancarkan serangan ke atas Tanah Melayu, termasuk Asia Tenggara. Jeneral Araki (Menteri Perang Jepun awal 1930-an) telah mencetuskan idea Imperialisme Jepun serta penubuhan *Greater Japan*. Dari sini pihak tentera mula merancang penaklukan dan melakukan segala persediaan secukupnya ke arah mencapai cita-cita ini. Pada 8 Disember 1941 tentera Jepun telah mendarat di Patani dan Kota Bharu (Pantai Timur Semenanjung Malaysia) dan serangan diteruskan selama 70 hari hingga Singapura dapat ditawan pada 15 Februari 1942, apabila Jeneral Percival menandatangani surat menyerah kalah di Bukit Timah, Singapura.

BUKU DAN ARTIKEL

Seteakat ini terdapat beberapa buku dan artikel yang menyentuh mengenai pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Walaupun begitu belum lagi terdapat kajian yang khusus dan mendalam mengenai rancangan serangan tentera Jepun dan pelaksanaannya ke atas Tanah Melayu dari 1930 hingga Jepun menyerah kalah pada tahun 1945. Sebaliknya banyak yang menyentuh mengenai serangan ke atas Tanah Melayu (termasuk Singapura), serangan Jepun ke atas Asia Tenggara, pentadbiran Jepun di Tanah Melayu, pentadbiran Jepun di Kedah, Johor dan Terengganu.

Walaupun Paul Kratoska dalam buku terbarunya *The Japanese Occupation of Malaya, 1941-1945*¹ ada menyebut tentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu tetapi tidak langsung

* Penulis adalah pensyarah id Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

1 Paul Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya, 1941-1945*, University of Hawaii Press, November 1998.

menyentuh tentang aspek perancangan serangan dan pelaksanaan serangan Jepun. Hanya di bahagian awal buku beliau ada disebut tentang perancangan Jepun untuk menguasai Asia dan menyelamatkan Asia daripada penjajahan Barat. Dalam bab ketiga ada diterangkan tentang pentadbiran Jepun di Tanah Melayu termasuk tentang hal ehwal struktur dan peraturan pentadbiran, kewangan, sistem perundangan dan sebagainya. Bab empat pula menerangkan tentang polisi Jepun terhadap etnik di Tanah Melayu dan bab lima pula menyentuh tentang pendidikan dan propaganda di Tanah Melayu. Dalam bab keenam pula diterangkan tentang keadaan ekonomi termasuk aspek polisi, pengangkutan, penyeludupan dan pasar gelap serta buruh. Bab tujuh dan lapan pula menerangkan tentang sistem kewangan dan industri. Ada diterangkan juga tentang kekurangan makanan dan catuan dan pengeluarannya dalam bab kesembilan. Buku ini ada juga menerangkan tentang kekejaman tentera Jepun terhadap penduduk di Tanah Melayu di mana keterangan itu agak menyeluruh dan melibatkan semua kaum. M. Rajendran pula dalam bukunya *Sejarah Jepun* ada menyentuh tentang rancangan kumpulan 'Saga'² pimpinan Jeneral Araki (Menteri Perang Jepun pada awal 1930-an) untuk mewujudkan Kawasan Pengaruh Jepun (*Greater Japan*) iaitu sebuah empayar kolonial di Asia tetapi beliau hanya sekadar menyebut adanya rancangan penaklukan tentera Jepun di Asia. Kumpulan 'Saga' yang terdiri daripada Jeneral Muto, Mazaki, Kolonel Ishihara dan Doihara telah menyatakan bahawa tujuan utama puak militari adalah untuk melaksanakan rancangan mewujudkan Kawasan Pengaruh Jepun (*Greater Japan*) iaitu sebuah empayar kolonial Asia yang berkuasa melalui penaklukan negara-negara di Asia Timur.

Pada tahun 1992 Mohammad Isa Othman telah menulis sebuah buku mengenai aspek pendudukan Jepun di Tanah Melayu yang bertajuk *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945 (Tumpuan di Negeri Kedah)*.³ Tetapi buku ini hanya memaparkan aspek pendudukan Jepun di Kedah sahaja dan perbincangannya adalah tidak menyeluruh.

Beberapa aspek tentang Pendudukan Jepun di Tanah Melayu disentuh dalam buku bertajuk *Pentadbiran Tentera Jepun dan Thai di Terengganu 1942-1945*,⁴ oleh Abdullah Zakaria Ghazali. Walaupun beliau ada membincang serba sedikit tentang kemaraan dan pendudukan Jepun di Tanah Melayu tetapi ia hanya sekadar memberi gambaran umum tentang serangan Jepun dan selepas itu menumpukan perbincangan tentang pendudukan dan pentadbiran Jepun khususnya di Terengganu. Oleh kerana perbincangan beliau hanya tertumpu tentang pentadbiran Jepun di Terengganu maka pemahaman tentang penulisan beliau sekadar di Terengganu tetapi tidak ke seluruh Tanah Melayu. Begitulah juga halnya dengan buku bertajuk *Johor Semasa Pendudukan Jepun, 1942-1945*,⁵ Bangi (UKM) yang ditulis oleh saudara Ghazali Mahyudin. Buku ini hanya membincangkan aspek-aspek pemerintahan Jepun di Johor, tidak menyentuh tentang pemerintahan Jepun di seluruh Tanah Melayu, mahupun aspek perancangan serangan Jepun di Tanah Melayu.

Dalam artikel Amarjit Kaur yang bertajuk "Se abad Keretapi di Tanah Melayu"⁶ terdapat juga perbincangan mengenai pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Namun demikian tulisan

2 M. Rajendran, *Sejarah Jepun*, Arena buku Sdn. Bhd. 1988.

3 Mohamad Isa Othman, *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945, Tumpuan di Negeri Kedah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992.

4 Abdullah Zakaria Ghazali, *Pentadbiran Tentera Jepun dan Thai di Terengganu 1942-1945*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1996.

5 Ghazali Mayuddin, *Johor Semasa Pendudukan Jepun, 1942-1945*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

6 Amarjit Kaur, *Seabad Keretapi di Malaysia*, Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur, 1995.

ini hanya tertumpu kepada peranan Keretapi Tanah Melayu semasa Perang Dunia Kedua sama ada sewaktu kemaraan Jepun dan pengunduran British serta sewaktu pemerintahan Jepun (1941-1945). Cheah Boon Kheng dalam tulisannya yang bertajuk "*The Social Impact of Japanese Occupation of Malaya*",⁷ juga ada membincangkan dengan panjang lebar tentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu tetapi perbincangan beliau hanya tertumpu kepada aspek-aspek sosial sahaja. Di samping itu Cheah Boon Kheng juga ada menulis sebuah buku bertajuk *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation of Malaya 1941-1946*.⁸ Buku ini merujuk kepada penentangan Komunis semasa dan selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Beliau langsung tidak merujuk kepada aspek perancangan serangan dan pelaksanaannya oleh para pemimpin tentera Jepun di Jepun dan di Tanah Melayu. Dalam buku ini ada diceritakan secara umum tentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu selama hampir empat tahun dan meninggalkan kesan yang mendalam terhadap penduduk negara ini. Pendudukan Jepun juga telah mengubah suasana politik di Tanah Melayu apabila kekalahan British di tangan Jepun telah membuktikan bahawa bangsa Asia boleh menentang dan mengatasi bangsa Eropah. Dinyatakan juga bahawa selepas Perang Dunia Kedua kesedaran politik dan kebangkitan Nasionalisme di kalangan orang Melayu telah merebak sehingga wujud semangat antipenjajah.

Jepun telah memerintah Tanah Melayu secara tentera, keras dan kejam di mana ekonomi menjadi kuacar kacir dan rakyat hidup menderita. Sebagai contoh satu sistem Jikedan yang mengawal pergerakan orang ramai atau anggota keluarga telah dilaksanakan. Selanjutnya Jepun juga telah menjalankan dasar kerahan tenaga yang melibatkan golongan muda, khususnya pemuda Melayu. Industri getah dan bijih timah telah mengalami kemusnahan kerana tidak ditadbir dengan baik. Sebaliknya syarikat gergasi Jepun yang menjadi kaya-raya dengan memonopoli harta dan kekayaan negara ini. Monopoli beras telah dikuasai oleh *Syarikat Mitsubishi*, gula serta garam pula oleh *Syarikat Mitsui*.⁹

Dari segi pentadbiran Jepun membenarkan Sultan-sultan menggunakan gelaran mereka tanpa sebarang kuasa. Sultan menerima elaun dan bertugas sebagai 'Penasihat' kepada Jepun di setiap negeri. Dari segi politik, orang Melayu telah diberi gambaran bahawa mereka akhirnya akan diberi kemerdekaan sehingga terdapat satu golongan nasionalis Melayu yang secara terus terang menyokong dan bekerjasama dengan tentera Jepun. Apabila Jepun berkuasa, satu kumpulan nasionalis Melayu yang diketuai oleh Ibrahim Yaakub telah dibebaskan walaupun pada mulanya mereka dianggap 'ekstremis' atau radikal oleh pihak British. Pembebasan beliau telah menyebabkan Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang dipimpinnya bergiat semula dalam politik. Tetapi apabila Jepun sedar bahawa KMM boleh menjejaskan kuasa dan kedudukan pihak Jepun maka KMM terus diharamkan pada tahun 1942.¹⁰

Jepun juga seperti yang telah dinyatakan telah bertindak zalim terhadap orang Cina di Tanah Melayu, justeru itu orang-orang Cina telah menubuhkan Tentera Rakyat Malaya Anti-

7 Cheah Boon Kheng, "The Social Impact of the Japanese Occupation of Malaya", dalam Mc Coy, W.A. (ed.), *Southeast Asia Under Japanese Occupation*, New Heaven: Yale University Press, 1980.

8 Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, Singapore: Singapore University Press 1987.

9 Kedua-dua syarikat tersebut adalah antara syarikat gergasi Jepun yang digelar 'Zaibatsu' dan mereka bertanggungjawab menentukan kejayaan dasar imperialisme Jepun serta mendapat keuntungan besar daripada aktiviti ini.

10 Orang Melayu dan orang Cina telah dilayan dengan cara yang berbeza oleh Jepun dan ini telah menyebabkan timbul sikap bermusuhan antara kaum selepas Jepun menyerah kalah.

Jepun (*Malayan People Anti -Japanese Army-MPAJA*) untuk menentang kezaliman tersebut. Orang India pula telah digalakkan menumpukan perhatian politik mereka terhadap India. Satu pasukan yang dipanggil Tentera Kebangsaan India (*Indian National Army-INA*)¹¹ telah ditubuhkan untuk membebaskan India daripada penjajahan British. Di samping itu sebuah kerajaan India dalam buangan telah ditubuhkan dipanggil Azad Hind yang diketuai oleh Subhas Chandra Bose. Namun demikian buku ini masih lagi berkisar di sekitar aspek pemerintahan Jepun dan kesannya tiap-tiap terhadap kaum di Tanah Melayu secara sepintas lalu. Malah ia tidak langsung menyentuh tentang aspek serangan apatah lagi perancangan penaklukan Jepun ke atas Tanah Melayu.

Ienaga Saburo dalam bukunya *The Pacific War: World War II and the Japanese, 1931-1945*¹² ada menyentuh tentang aspek perancangan dan serangan ke atas Asia Pasifik termasuk Asia Tenggara tetapi tidak menyentuh secara khusus tentang aspek perancangan dan serangan serta pentadbiran di Tanah Melayu. Apa yang ditekankan ialah aspek perancangan dan serangan ke atas seluruh rantau Asia Pasifik secara menyeluruh termasuk perancangan ketenteraan dan pengumpulan maklumat.

Dalam *Malaysian Journal of Education* 1976, Yoji Akashi dalam sebuah artikel bertajuk "*Education and Indoctrination Policy in Malaya and Singapore under the Japanese rule, 1942-1945*"¹³ ada menulis tentang pendidikan dan proses menjepunkan penduduk Tanah Melayu. Namun demikian sebahagian besar daripada penulisan beliau itu berkisar ke atas dasar pendidikan di zaman pemerintahan Jepun dan bagaimana penduduk Tanah Melayu boleh dibiasakan dengan kebudayaan Jepun. Soal perancangan penaklukan dan pelaksanaan serangan tentera Jepun ke atas Tanah Melayu tidak disentuh sama sekali. Ini bermakna skop penulisan beliau hanya berkisar tentang indoktrinasi Jepun di Tanah Melayu. Begitu juga halnya dengan penulisan beliau dalam *Journal of Southeast Asian History* bertajuk "*Japanese Policy Towards the Malayan Chinese 1941-1945*" lebih banyak menumpukan perhatian tentang dasar pemerintah Jepun yang tidak konsisten terhadap penduduk tempatan penulisan dalam *Journal Asian Studies Vol. VII, No.1 April 1969* bertajuk "*Japanese Military Administration in Malaya-Its Formation and Evolution in Reference to Sultan, the Islamic Religion, and the Muslim Malays 1941-1945*" masih berkisar tentang dasar pemerintah Jepun terhadap orang Melayu yang kelihatan lebih cenderung untuk bertolak ansur.

Manakala Tsuji Masanabu dalam bukunya, *1941-45, The Japanese Version of Malayan Campaign of World War II*, 1988¹⁴ lebih memberi tumpuan kepada taktik dan strategi serangan tentera Jepun ke atas Tanah Melayu. Namun demikian beliau tidak memberi perhatian yang wajar terhadap aspek pentadbiran dan proses penjepunan penduduk di Tanah Melayu. Walaupun beliau membincangkan dengan panjang lebar tentang aspek taktik dan strategi serangan yang membawa kepada kemenangan tentera Jepun tetapi aspek pentadbiran Jepun di seluruh Tanah Melayu tidak disentuh.

Daripada kajian perpustakaan setakat ini menunjukkan bahawa hampir kesemua tulisan yang berkaitan dengan penduduk Jepun di Tanah Melayu tidak banyak memberi perhatian

11 Penduduk India di Tanah Melayu dan tentera India yang berkhidmat dengan British telah dihasut oleh Jepun supaya menentang British, malah mereka dijanjikan kemerdekaan sekiranya Jepun berjaya menawan India.

12 Ienaga Saburo, *The Pacific War: World War II and The Japanese, 1931-1945*, New York: Pantheon Books, 1978.

13 Akashi Yoji, 1980, 1980. "Education and Indoctrination Policy in Malaya and Singapore Under the Japanese Rule, 1942-1945," dalam *Malaysia Journal of Education*, no. 1/2, vol. 13, Disember 1976.

14 Tsuji Manasobu (Colonel), *Singapore, The Japanese Version*, Sydney: Ure Smith, 1960.

yang wajar terhadap aspek perancangan awal serangan dan penaklukan Jepun di Tanah Melayu. Malah aspek pentadbiran Jepun di Tanah Melayu juga masih tertumpu kepada negeri-negeri tertentu.

Adnan Ibrahim 1989, juga menulis tentang "Pendudukan Jepun dan keadaan Sosioekonomi di negeri Kelantan"¹⁵ di mana beliau dalam penulisannya ada menyentuh tentang kesukaran hidup di bawah pentadbiran Jepun di Kelantan. Para penduduk khususnya di Kelantan digalakkan menanam tanaman ruji seperti padi, ubi dan keledak. Selain itu mereka dipaksa melakukan kerja paksa untuk kepentingan pemerintah Jepun. Penulis ada juga menyentuh tentang kekejaman tentera Jepun seperti melakukan penangkapan, penyiksaan dan perkosaan. Perkara yang paling dielakkan oleh penduduk ialah dihantar ke Myanmar untuk membina landasan keretapi maut. Tetapi di dalam penulisannya beliau kurang menyentuh tentang keadaan dan polisi pentadbiran Jepun di Tanah Melayu, khususnya di Kelantan. Jika diambil kira dari segi kronologinya adalah penting bagi beliau untuk menyentuh tentang pentadbiran Jepun di Kelantan kerana Kelantanlah negeri yang pertama sekali ditakluk oleh Jepun. Menurut Abu Talib Ahmad¹⁶ dalam tulisannya bertajuk "The Impact of the Japanese Occupation on the Malay-Muslim Population" penduduk di Tanah Melayu dan Singapura juga mengalami tekanan dan kesusahan hidup di bawah pentadbiran Jepun. Penduduk Melayu Islam berasa terganggu dan tertekan kerana tentera Jepun dikatakan kurang menghormati amalan agama dan budaya penduduk tempatan. Kadangkala tentera Jepun menjadikan ruang masjid sebagai tempat rehat dan bermalam sehingga mengganggu penduduk Islam untuk beribadat. Tindakan Jepun ini dilihat sebagai mencabar orang Melayu. Padahal Jepun memerlukan sokongan orang Melayu demi kesinambungan pemerintahan dan konsep "Kawasan Sekemakmuran Asia Timur Raya" yang dipropagandakannya. Tambahan pula pemerintahan Jepun di Tanah Melayu ingin menyebarkan ideologi dan budaya Jepun melalui langkah memperkenalkan konsep ketuhanannya seperti menyembah matahari, maharaja ibarat Tuhan, menghormati hari-hari perayaan dan kebesaran Jepun, malah menghormati tentera Jepun itu sendiri dengan cara seolah-olah menyembah. Semua ini adalah bertentangan dengan adab, budaya dan kepercayaan umat Islam di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun penulis tidak menyentuh tentang perancangan, serangan dan pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Sejajar dengan ini bolehlah dianggap penulis lebih menyentuh aspek sosial dan keagamaan berbanding dengan aspek ekonomi, politik mahupun ketenteraan di zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Tetapi penulis telah memberi sumbangan dan maklumat melalui penulisannya tentang kesan pendudukan Jepun terhadap masyarakat Melayu terutama yang berkaitan dengan sosiobudaya Melayu.

Lanjutan daripada itu, masyarakat Melayu di Tanah Melayu telah bangun menentang pendudukan Jepun dan ini telah memberikan kesan yang besar terhadap senario politik tempatan pada masa itu. Di sebalik usaha Jepun untuk mendapatkan sokongan berterusan daripada orang Melayu, nampaknya orang Melayu semakin menjauhkan diri daripada pemerintah Jepun terutama di tahun-tahun akhir pendudukannya di Tanah Melayu.

Yoji Akashi, dalam tulisnya bertajuk "Japanese Military Administration in Malaya: It's

15 Adnan Ibrahim, "Pendudukan Jepun dan Keadaan Sosioekonomi di Negeri Kelantan", Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 1989.

16 Abu Talib Ahmad, "The impact of Japanese Occupation on the Malay-Muslim Population" Paul H. Kratoska (ed.), *Malaya and Singapore During the Japanese Occupation*, Singapore, *Journal of Southeast Asian Studies*, 1995.

Formation and Evolution in Reference to Sultans, the Islamic Religion and the Muslim Malays, 1941-1945”¹⁷, banyak menyentuh tentang pentadbiran tentera Jepun, masyarakat Melayu-Islam dan kaitannya dengan propaganda Jepun di Tanah Melayu. Berkaitan dengan perkara ini adalah amat menarik untuk melihat usaha Jepun untuk mendapatkan sokongan orang Melayu Islam di mana Jepun menganggap perjuangannya menghalau kuasa barat dianggap sebagai suatu jihad. Agama Shinto Jepun pula dikatakan sebagai amat toleran dan bersifat sejagat sama sifatnya seperti agama Islam. Dan lebih menarik lagi apabila Jepun menyatakan bahawa perjuangan mereka membebaskan Asia adalah sama sifatnya dengan jihad Nabi Muhammad menentang musuh Islam. Ada juga disentuh dalam penulisannya tentang kedudukan para Sultan yang setaraf dengan Gabenor walaupun hanya pada nama dan juga betapa pengaruh para Sultan diperlukan untuk mendapatkan sokongan orang Melayu. Dalam masyarakat Melayu, Sultan memang dianggap sebagai ketua dalam pemerintahan dan ketua agama serta adat istiadat, jadi sudah tentu Jepun sedar akan pengaruh Sultan ke atas orang Melayu. Ini bermakna, sekiranya Jepun ingin mendapatkan sokongan orang Melayu, tidak dapat tidak ia mesti mengambil kira kedudukan sultan.

Kurasawa Aiko, dalam buletin bertajuk “Japanese Military Administration in Malaya”¹⁸ ada menerangkan tentang pentadbiran tentera Jepun di Tanah Melayu. Dalam buletin tersebut beliau telah menjelaskan jabatan-jabatan dan ketua-ketua pemerintah tentera Jepun seluruh Tanah Melayu. Ada juga diterangkan polisi pentadbiran tentera Jepun di Tanah Melayu dan penyatuan pentadbiran tentera Jepun di Tanah Melayu dan Sumatera. Walau bagaimanapun buletin ini tidak menerangkan aspek sosial dan ekonomi pendudukan di Tanah Melayu sepanjang tahun 1942 hingga 1945. Lebih daripada itu Kurasawa Aiko juga tidak menyentuh tentang perancangan Jepun untuk menyerang Tanah Melayu sejak 1930-an yang mula dirancang dan diadakan latihan di Taiwan. Malah beliau juga tidak menerangkan tentang konsep ‘*Greater Japan*’ dan konsep ‘*Co-prosperity sphere in Asia*’. Tambahan pula beliau juga tidak menyentuh beberapa permasalahan yang timbul hasil daripada dasar perbezaan kaum yang diamalkan oleh Jepun semasa pemerintahannya; malah tidak juga disebut tentang kedudukan Sultan dan kedudukan agama Islam dan keistimewaan orang Melayu. Dengan ini bolehlah dikatakan bahawa tulisan Aiko lebih merujuk kepada struktur pentadbiran tentera Jepun, sistem dan pelaksanaannya di Tanah Melayu. Seterusnya gambaran serangan dan pendudukan Jepun di Tanah Melayu terdapat dalam buku *A History of Malaysia* tulisan Andaya, Barbara Watson dan Leonard Y. Andaya.¹⁹ Dalam buku tersebut ada dinyatakan sedikit sahaja tentang perancangan serangan Jepun di Asia Tenggara termasuk Tanah Melayu. Seterusnya buku ini ada menerangkan tentang serangan Jepun ke atas Tanah Melayu secara serentak pada 7 & 8 Disember 1941. Ada juga dikupas tentang sebab-sebab serangan Jepun ke atas Tanah Melayu yang ia dikaitkan dengan keperluan bagi mendapatkan bahan mentah untuk industri Jepun seperti minyak, getah asli, bijih timah dan bijih besi. Lebih daripada itu, Jepun juga perlukan kawasan pasaran keluaran industrinya, perlu bahan makanan dan tenaga buruh. Tentera Jepun telah menyerang dari udara iaitu dari Selatan Thai dan Kota Bahru kemudian menuju ke selatan iaitu Kuala Lumpur dan Singapura. Jepun mengambil

17 Yoji Akashi, “Japanese Military Administration in Malaya: Its Formation and Evolution in Reference to Sultans, the Islamic Religion and the Muslim Malays, 1941-1945”, *Asian Studies*, 7, 1969.

18 Kurasawa, Aiko, *Bulletins of the Japanese Military Administration in Malaya, 1943-1944*.

19 B.W. Andaya and L.Y. Andaya, *A History of Malaysia*, London: Macmillan, 1982.

masa lebih kurang 70 hari untuk menewaskan seluruh pertahanan tentera British yang dibantu oleh tentera India dan Australia. Sehubungan dengan itu ada juga diterangkan tentang sebab-sebab tentera British yang seramai lebih kurang 140,000 orang dapat ditewaskan dengan agak mudah oleh tentera Jepun yang berjumlah lebih kurang 100,000 orang. Antara sebab-sebab kekalahan tentera British ialah kesilapan mereka dari segi strategik apabila mereka begitu yakin bahawa Jepun tidak akan menyerang dari utara tetapi akan menyerang dari selatan iaitu dari arah laut. Justeru itu sebahagian besar pertahanan dan meriam utama dihalakan ke laut, tetapi Jepun menyerang dari utara dan tentera British tertipu. Lebih daripada itu tentera British yang mempertahankan Tanah Melayu kurang berpengalaman jika dibandingkan dengan tentera Jepun yang mempunyai pengalaman yang luas dalam perang China-Jepun, terutama di Manchuria. Selain itu tentera British juga tidak pandai membina kubu pertahanan serta menggunakan senjata yang kurang baik berbanding tentera Jepun.

Tentera Jepun juga dikatakan mempunyai pemimpin yang berkalibar dan semangat juang yang tinggi di kalangan pegawai biasa bahkan mereka bersedia mati untuk raja dan negara dengan fahaman Shinto mereka. Sedangkan tentera British kebanyakan masih muda, kurang pengalaman dan banyak tentera upahan dari India yang tidak begitu diyakini kesetiaannya. Ada juga disebut tentang sokongan yang diperolehi oleh tentera Jepun terutama daripada orang Melayu, kerana Jepun telah menjanjikan mereka kebebasan dan kemerdekaan tanah air jika Jepun menang.

W.G. Beasley dalam bukunya *Japanese Imperialism, 1894-1945*, terbitan Oxford 1987 pula menerangkan dengan panjang lebar tentang dasar luar Jepun selepas Meiji dan kebangkitan golongan tentera serta dasar imperialisme Jepun. Menurut penulis, pada peringkat awal politik dan pemerintahan di Jepun dikuasai oleh golongan Genro yang rapat dengan Maharaja Meiji dan menjadi penasihat utama polisi pemerintahannya. Tetapi selepas perang China-Jepun 1894-1895 golongan tentera di Jepun telah mula menunjukkan minat untuk menguasai polisi dan pemerintahan kerajaan Jepun bagi memastikan dasar imperialisme Jepun dapat dilaksanakan sepenuhnya tanpa banyak halangan dan juga bagi memastikan belanjawan tahunan kerajaan Jepun lebih memihak kepada kehendak golongan tentera. Sehingga tahun 1904-1905 apabila berlaku perang Rusia-Jepun, golongan tentera dan dasar imperialisme Jepun telah mendapat sokongan dan status yang tinggi di dalam dan luar negara. Kebanyakan kuasa utama Barat telah melihat dan mengakui bahawa Jepun adalah kuasa utama di Timur pada masa itu dan perlu dihormati terutama kepentingannya di Korea, China, Taiwan dan Manchuria. Pada tahun-tahun 1920-an dan 1930-an golongan tentera semakin berpengaruh dalam politik dan parlimen Jepun (*Diet*). Golongan tentera darat dan tentera laut selain berkuasa menentukan bakal pemimpin Jepun dan jumlah belanjawan tahunan mereka juga disokong oleh golongan ultranasionalis dan persatuan-persatuan militan. Sejak 1930-an golongan ultra-nasionalis inilah yang telah menyebarkan doktrin *Greater Japan*, *Asia for Asian*, konsep *Co-prosperity Sphere* dan *March South*. Semua ini menunjukkan hasrat Jepun dalam jangka panjang untuk mara ke selatan dan menguasai rantai Asia Tenggara untuk mendapatkan bahan mentah dan pasaran bagi perindustriannya. Dalam strategi dan perancangan utama Jepun, ia dibahagikan kepada tiga tahap di mana tahap pertama kepulauan Jepun, Korea, Manchuria dan sebahagian daripada China dijadikan pusat perindustrian dan pengeluaran. Di tahap kedua, Indo-China dan Asia Tenggara termasuk Tanah Melayu akan dijadikan kawasan pasaran dan pembekal bahan mentah untuk perindustrian Jepun dengan Singapura menjadi pusat pengumpulannya. Di

terutamanya tawanan perang dari seluruh Asia Tenggara, India, British, Belanda, Amerika, New Zealand dan Perancis untuk menyelesaikan kerja membina jalan kereta api tersebut. Walaupun Jepun menghadapi risiko serangan tentera Bersekutu sewaktu pembinaan laluan kereta api tersebut tetapi buruh paksa dan tawanan perang ini tetap dipaksa melakukan kerja-kerja pembinaan tanpa diberikan makanan dan rehat yang cukup. Ramai tawanan perang mati dalam usaha pembinaan ini kerana kebuluran, penyakit, terlalu penat dan tidak dijaga kebajikannya. Penulis juga menceritakan tentang kekejaman tentera Jepun terhadap tawanan perang dan buruh paksa terutamanya orang Asia yang terlibat dalam pembinaan jalan kereta api maut tersebut dan kegagalan Jepun meneruskan rancangannya untuk menguasai India.

Toong Lei Ling dalam Latihan Ilmiahnya bertajuk “Japanese Occupation in Malaya and Its Effects on Malaya Nationalism”, 1990²³ ada menyentuh tentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu dan kesannya ke atas kebangkitan Nasionalisme di Tanah Melayu. Berkaitan dengan hal ini penulis menyatakan bahawa Jepun telah berjaya menguasai Tanah Melayu antara 1941 hingga 1945 dan Jepun mengamalkan pentadbiran ala tentera di Tanah Melayu. Sebelum pendudukan Jepun di Tanah Melayu pihak pentadbir British tidak menggalakkan malah tidak membenarkan Gerakan Nasionalisme dijalankan. Malah jika ada pun orang Melayu yang memimpin gerakan itu akan dihalang atau menghadapi kesukaran untuk menggerakkan usaha mereka untuk mendapatkan kemerdekaan. Malah pada masa itu adalah menjadi fahaman umum bahawa orang Inggeris adalah “kebal” dan tidak boleh dikalahkan. Mereka dianggap sebagai bangsa contoh untuk memimpin orang Asia terutama di Tanah Melayu. Mereka tidak harus ditentang, malah mesti dihormati dan dianggap pemimpin. Dengan kedatangan Jepun keadaan mula berubah apabila Jepun telah meniupkan semangat antipenjajah dan melantik Ibrahim Yaakub iaitu pemimpin Kesatuan Melayu Muda untuk bekerjasama dengan Jepun mendapatkan sokongan orang Melayu menyokong pendudukan Jepun di Tanah Melayu dan menghebahkan kejayaan Jepun dan menghalau kuasa Barat iaitu British dan Belanda dari Asia Tenggara khususnya Tanah Melayu dan Indonesia. Dengan ini pemikiran penduduk tempatan bahawa kuasa Barat itu tidak dapat ditewaskan telah beransur-ansur pudar dan mereka mula mendapat keyakinan bahawa mereka boleh menewaskan kuasa Barat dan membebaskan diri daripada belenggu penjajahan serta pemerintahan sendiri. Para pemuda tempatan tidak kira bangsa dan agama telah dikumpulkan dan dilatih dengan cara pemikiran dan disiplin Jepun termasuk latihan tentera yang ketat supaya mereka mendapat keyakinan dan latihan secukupnya untuk persediaan membantu Jepun menentang musuh dan akhirnya pemerintahan sendiri. Malangnya Jepun telah mengamalkan dasar berasingan bagi kaum yang berlainan di Tanah Melayu terutamanya Jepun bersikap agak kejam terhadap golongan Cina sehingga mereka terpaksa melarikan diri ke hutan dan menubuhkan MPAJA.²⁴ Setelah Tanah Melayu dibebaskan semula oleh British gerakan nasionalisme telah berkembang pesat tetapi persaingan dan rasa curiga antara

23 Toong Lei Ling, “The Japanese Occupation in Malaya and its Effects on Malaya Nationalism”, B.A. Department of Japanese Studies, National University of Singapore, 1990.

24 MPAJA telah ditubuhkan oleh kaum Cina di Tanah Melayu adalah untuk menentang Jepun dan melindungi kepentingan orang Cina. Ini memandangkan tentera Jepun bersikap begitu kejam dan tidak berperikemanusiaan terhadap kaum Cina yang dianggap Jepun bersalah kerana membantu orang Cina di China menentang Jepun. Menjelang akhir Perang Dunia Kedua MPAJA telah pun mempunyai cawangan di seluruh pelosok Tanah Melayu dan kemudiannya menentang British dengan tujuan menguasai Tanah Melayu.

kaum Cina dan kaum Melayu semakin menebal sehingga menjadi konflik terbuka semasa darurat.

Peristiwa rancangan serangan ke atas Tanah Melayu, strategi dan taktik ketenteraan yang digunakan dan kekecewaan British serta kejayaan Jepun dapat dirujuk dalam buku tulisan Falk, Stanley F. berjudul *Seventy Days to Singapore: The Malayan Campaign, 1941-1942*. Di dalam buku ini penulis ada menerangkan kelemahan dan kekuatan kedua-dua belah pihak sebelum dan sewaktu peperangan berlangsung. Selepas menghadapi tentangan hebat pada peringkat awal daripada pihak British, tentera Jepun akhirnya dengan mudah dapat menewaskan tentera British dalam tempoh 70 hari sahaja. Ini bermakna Jepun sudah menguasai seluruh Asia Tenggara dalam masa yang lebih cepat dan tentangan yang kurang bermaya dari tentera British, Belanda, Perancis dan Amerika Syarikat. Sebaik sahaja Jepun menguasai Tanah Melayu, mereka telah membentuk pentadbiran baru tetapi mengekalkan beberapa struktur pentadbiran British di mana sesuai.

Tidak ketinggalan juga W.R. Roff dalam bukunya *The Origin of Malay Nationalism*, ada menyebut tentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu dan kesannya terhadap masa depan politik dan suasana perjuangan ke arah menuntut kemerdekaan di Tanah Melayu di zaman selepas perang. Menurut Roff, asal-usul perjuangan menuntut kemerdekaan di Tanah Melayu berakar umbi di zaman pendudukan Jepun lagi. Ini disebabkan Jepun telah mendidik orang Melayu terutamanya supaya menghilangkan rasa gementar bila berdepan dengan orang Barat apabila memperjuangkan kebenaran. Jepun juga telah melatih fikiran orang Melayu supaya menuntut haknya untuk berkerajaan sendiri. Malah Jepun telah mengajar orang Melayu cara-cara mentadbir negara sendiri termasuk mengambil sukarelawan dan pemuda Melayu menyertai tentera Jepun dan menggalakkan aktiviti politik yang dilaksanakan oleh Kesatuan Melayu Muda pimpinan Ibrahim Yaakub.